



PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

Compete Fairly For The Benefit of Enhancing Fair Business Growth

Date: 24 January 2019

1. More than 80 business representatives registered with the Ministry of Health took part in an engagement session on the introduction of the Competition Order 2015 in Brunei Darussalam, in line with international best practices and legal framework which endeavours to drive domestic economic efficiency, consumer welfare and economic growth. The Competition Order 2015 is a law that prohibits cartel conducts including collusive tendering (bid rigging), which can potentially put fair, honest and well-run companies out of business and harm long-term consumer welfare.
2. The Department of Competition and Consumer Affairs in the Department of Economic Planning and Development, Ministry of Finance and Economy led the engagement session, in collaboration with the Ministry of Health. The session was part of an on-going effort to prevent collusive tendering in public procurement and cartel conduct, through raising awareness amongst the business community and procurement officials.
3. The vendors were advised to compete fairly for the benefit of their business growth. The Acting Director of the Department of Competition and Consumer Affairs explained the various forms of harmful anti-competitive agreements including collusive tendering, price fixing, controlling market and limiting supply of goods to create artificial shortage. These are made illegal with enactment and introduction of the Competition Order 2015. Competition law has been introduced all around the world including the ASEAN member states, as one of the key economic policies towards market efficiency, consumer welfare and economic growth. Participants were reminded that governments and businesses are also consumers.

4. A cartel exists when businesses agree to act together instead of competing against one another. These agreements are designed to drive up the profits of cartel members while maintaining the illusion of competition among them or a fair market. The Department of Competition and Consumer Affairs also elaborated that, by controlling markets and restricting goods and services, cartels can put honest and well-run companies out of business while suppressing innovation and protecting their own inefficient members. Businesses are advised to protect themselves from unfair and unethical business conducts for their business survival and growth.
5. The session focused at great length on the risk of collusive tendering or bid rigging. “In a tender process, bidders are expected to compete against one another and the one offering terms best suited to the procurer’s requirements wins the bid. Bid-rigging or collusive tendering occurs when two or more bidders agree secretly not to compete with one another and collude to pre-determine the tender outcome. Under the Competition Order 2015, bid rigging is one of the key serious anti-competitive conducts”, an official from the Department of Competition and Consumer Affairs explained.
6. Participants were also provided insights on the various forms of collusive tendering. For example, one or more bidders may agree that they will not submit a bid or will withdraw a bid submitted already. In some cases, the bidders will take turns at winning the bids on a series of contracts or agree to submit higher bid prices or less attractive terms so that the designated winner could win. Some companies may agree that the winning bidder will offer lucrative subcontracts to compensate the “losing” bidders.
7. Official from the Department of Competition and Consumer Affairs also shared that one of the key tools in the Competition Order 2015, also used by competition authorities around the world to detect cartels, including bid-rigging, is a leniency programme providing immunity or protection from the law for the first party who notifies the competition authority of the cartel conduct, provided that the member also meets all other requirements of the leniency programme.
8. Attendees were also informed that some collusive conducts were performed out of ignorance of the law and through awareness help to protect themselves from being unwittingly involved in illegal activities. The session concluded with an interactive question and answer session for the business community to share their concerns and obtain clarification regarding the conducts prohibited in the law.

9. The talk was aimed at spreading awareness on the key harmful anti-competitive conducts prohibited by the Competition Order 2015, including collusive tendering and cartel conducts. The advocacy session encouraged business community to further their understanding of the law ahead of its enforcement in the near future to promote self-compliance. With the objective of promoting economic efficiency as well as consumer welfare, the law has benefits that permeate throughout all levels of the community. By nurturing healthy competition, businesses can grow by competing on a level playing field to offer more choices, better quality products and services at better prices for consumers, including the government and other businesses.
10. The Competition Commission of Brunei Darussalam was established on the 1 August 2017, as an independent body that is mandated to promote business competition in Brunei Darussalam economic landscape through the enforcement of the Competition Order 2015. The Department of Competition and Consumer Affairs was established on the same day to act as the secretariat, administrative and investigative arms of the said Commission.
11. For any inquiries and request for briefings on the Competition Order 2015, please contact the Department of Competition and Consumer Affairs in the Department of Economic Planning and Development, Ministry of Finance and Economy through email at brunei.competition@jpke.gov.bn or call 2233344 extension 341 or 643.



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bersaing Secara Adil Ke Arah Mencapai Manfaat
Peningkatan Pertumbuhan Perniagaan Yang Sihat

Tarikh: 24 Januari 2019

1. Lebih daripada 80 wakil perniagaan yang berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan telah menghadiri sesi pemberitaan mengenai pengenalan Perintah Persaingan 2015 di Negara Brunei Darussalam yang mana adalah sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa dan rangka kerja perundangan bagi memacu Negara mencapai kecekapan dan perkembangan ekonomi serta pemeliharaan kebajikan pengguna. Perintah Persaingan 2015 merupakan undang-undang yang menghalang amalan kartel termasuk kelakuan kolusif tender (penipuan bidaan), yang berpotensi menyingkirkan perusahaan yang adil, jujur dan dikendalikan dengan baik, daripada pasaran dan seterusnya mempunyai impak negatif kepada kebajikan pengguna dalam jangka panjang.
2. Sesi pemberitaan dilaksanakan oleh Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Kementerian Kesihatan. Sesi berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan bagi mencegah kelakuan kolusif tender dan kartel dalam perolehan awam melalui meningkatkan kesedaran pihak komuniti perniagaan dan para pegawai perolehan mengenai Perintah Persaingan 2015.
3. Para peniaga dinasihatkan untuk bersaing dengan adil demi manfaat pertumbuhan perniagaan masing-masing. Pemangku Pengarah di Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna menjelaskan mengenai jenis-jenis perjanjian anti-persaingan yang mempunyai impak negatif termasuk kolusif tender, penetapan harga, pembahagian pasaran dan pengawalan bekalan barangan yang bertujuan untuk mewujudkan kekurangan bekalan di dalam pasaran. Perkara-perkara ini merupakan kesalahan di bawah Perintah

Persaingan 2015. Perundangan persaingan telah diperkenalkan di seluruh dunia termasuk di Negara-Negara Ahli ASEAN, sebagai salah satu dasar ekonomi utama dalam mencapai kecekapan dan perkembangan ekonomi dan pemeliharaan kebajikan pengguna. Para peniaga telah diingatkan bahawa kerajaan dan perusahaan-perusahaan juga adalah pengguna.

4. Kartel belaku apabila para peniaga bersetuju untuk tidak bersaing sesama sendiri dan sebaliknya melaksanakan perjanjian anti-persaingan. Perjanjian anti-persaingan ini direka bagi meningkatkan keuntungan para peniaga yang terlibat di dalam kartel sambil mempamerkan ilusi bahawa persaingan wujud di kalangan mereka atau menggambarkan ilusi wujudnya sebuah pasaran yang adil. Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna seterusnya menerangkan bahawa dengan mengawal pasaran dan menghadkan barangan serta perkhidmatan, kartel berpotensi untuk menyingkirkan perusahaan-perusahaan yang melaksanakan perniagaan secara adil dan jujur, daripada pasaran. Kartel juga berpotensi untuk menyekat perkembangan inovasi dan seterusnya melindungi para peniaga yang tidak cekap agar kekal di dalam pasaran. Para peniaga yang hadir pada sesi pemberitaan juga disarankan untuk tidak terlibat dalam amalan perniagaan yang tidak adil dan tidak beretika bagi mengekalkan dan memperkembangkan perniagaan masing-masing.
5. Sesi pemberitaan memberi penekanan kepada risiko kelakuan kolusif tender (penipuan bidaan). “Di dalam proses tender, para peniaga dijangka untuk bersaing sesama sendiri dan peniaga yang menawarkan terma yang bersesuaian dengan keperluan perolehan akan memenangi tender tersebut. Kolusif tender atau penipuan bidaan terjadi apabila dua atau lebih peniaga bersetuju secara rasia untuk tidak bersaing dan bersepakat untuk menetapkan hasil tawaran tender. Di bawah Perintah Persaingan 2015, penipuan bidaan adalah salah satu kelakuan anti-persaingan yang serius,” jelas Pegawai daripada Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna.
6. Para peniaga diterangkan dengan lanjut mengenai jenis-jenis kolusif tender, contohnya, satu atau beberapa peniaga yang bersetuju untuk tidak mengikut tawaran tender atau menarik balik tawaran tender yang telah dihantar. Terdapat juga situasi di mana para peniaga akan mengambil giliran untuk memenangi tawaran tender, atau bersetuju untuk menghantar harga tawaran yang lebih tinggi mahupun menawarkan terma yang kurang menarik agar peniaga yang telah ditetapkan awal boleh memenangi tawaran tender tersebut. Manakala terdapat juga jenis kolusif tender yang melibatkan para peniaga bersetuju bagi pemenang yang telah ditetapkan untuk menawarkan subkontrak sebagai ganjaran kepada para peniaga yang “tidak memenangi” tawaran tender.
7. Pegawai dari Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna turut mengongsikan bahawa salah satu kaedah yang terdapat di bawah Perintah Persaingan 2015, bagi mengesan kartel termasuk kolusif tender adalah *Leniency Program*. Program yang diguna pakai oleh autoriti-authoriti persaingan antarabangsa dan

serantau ini memberikan imuniti atau perlindungan dari perundangan persaingan kepada pihak yang pertama memaklumkan autoriti persaingan mengenai amalan kartel, dengan syarat, pihak berkenaan memenuhi keperluan *Leniency Program*.

8. Kelakuan kolusif tender juga boleh terjadi atas sebab tidak mengetahui mengenai perundangan persaingan. Kesedaran mengenai perundangan persaingan boleh membantu mengelakkan para peniaga daripada terlibat dengan secara tidak sengaja dalam kelakuan kolusif tender. Sesi pemberigaaan diakhiri dengan sesi soal jawab dan interaksi bersama para peniaga bagi mereka mengongsikan sebarang kebimbangan dan untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai larangan di bawah Perintah Persaingan 2015.
9. Sesi pemberigaaan dihasrat untuk meningkatkan kesedaran mengenai perjanjian anti-persaingan yang dilarang di bawah Perintah Persaingan 2015, termasuk kelakuan kolusif tender dan amalan kartel. Sesi ini juga berperanan dalam menggalakkan pematuhan di kalangan para peniaga melalui meningkatkan kefahaman mengenai Perintah Persaingan 2015, sebelum peruntukan larangan-larangan di bawah Perintah berkenaan dikuatkuasakan. Perintah Persaingan 2015 yang bertujuan untuk mempromosi kecekapan ekonomi serta kebajikan pengguna mempunyai manfaat kepada semua peringkat masyarakat. Pertumbuhan sesebuah perniagaan boleh dijana dengan mengamalkan persaingan yang sihat bagi menawarkan lebih banyak pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang kompetitif untuk pengguna, termasuk kerajaan dan perniagaan lain.
10. Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam ditubuhkan pada 1 Ogos 2017, sebagai sebuah badan bebas yang dimandatkan untuk mempromosi persaingan perniagaan di Negara Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan Perintah Persaingan 2015. Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna ditubuhkan pada pada tarikh yang sama dengan peranan selaku sekretariat, disamping melaksanakan kerja-kerja pentadbiran dan penyiasatan bagi Suruhanjaya Persaingan.
11. Sebarang pertanyaan dan permintaan bagi taklimat mengenai Perintah Persaingan 2015, sila hubungi Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui e-mel brunei.competition@jpke.gov.bn atau hubungi 2233344 ext 341 atau 643.